From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: RG 8: SEFB BAKAL LAHIRKAN EMPAT BUKU KARYA SUNTINGAN BERKAITAN KESEJAHTERAAN SOSIOEKONOMI MALAYSIA
Date: Thursday, 17 September, 2026 10:15:50 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Noor Sa'adah Sabudin

RG 8: SEFB BAKAL LAHIRKAN EMPAT BUKU KARYA SUNTINGAN BERKAITAN KESEJAHTERAAN SOSIOEKONOMI MALAYSIA



UUM ONLINE: Sintok, Kedah – Usaha memperkukuh budaya penulisan dan penerbitan ilmiah terus diperkasakan menerusi Bengkel Penulisan, Penyuntingan dan Pemurnian Manuskrip Empat Buah Buku Karya Suntingan yang dianjurkan oleh Research Group (RG) 8: Development, Poverty and Social Well-Being di bawah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Universiti Utara Malaysia (UUM).
Bengkel yang berlangsung selama tiga hari dua malam, bermula 6 hingga 8 September 2026 di Hotel Raia, Alor Setar, Kedah, menghimpunkan enam orang ahli RG 8 bagi melaksanakan proses penulisan, penyuntingan dan pemurnian manuskrip secara intensif.

Penerbitan buku ini melibatkan penulis daripada pelbagai institusi pengajian tinggi dan agensi, bukan sahaja daripada UUM, malah merangkumi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Jabatan Komunikasi Komuniti (JKOM) serta beberapa institusi dan agensi lain. Kepelbagaian latar belakang penulis ini membolehkan karya yang dihasilkan menggabungkan pelbagai kepakaran dan perspektif dalam membincangkan isu kesejahteraan sosioekonomi Malaysia.

Bengkel ini menjadi platform kepada pasukan editorial untuk menyemak kandungan, menyeragamkan format penulisan, memperkemaskan bahasa serta memperbaiki struktur persembahan manuskrip sebelum dikemukakan kepada penerbit.

Menerusi inisiatif tersebut, empat buah buku karya suntingan bakal diterbitkan di bawah Siri Kesejahteraan Sosioekonomi Malaysia, iaitu Malaysia Berubah: Demografi, Ketaksamaan dan Kemiskinan; Kesejahteraan Isi Rumah: Kemiskinan dan Kerentanan; Kesejahteraan Komuniti: Kemiskinan, Inklusiviti dan Transformasi Sosioekonomi; serta Kecerdasan Buatan dan Kesejahteraan: Masa Depan dan Cabaran Komuniti.



Keempat-empat karya tersebut mengangkat tema yang saling melengkapi, merangkumi perubahan demografi, ketaksamaan dan kemiskinan, kesejahteraan isi rumah, pembangunan serta inklusiviti komuniti, selain cabaran dan peluang kecerdasan buatan dalam kehidupan masyarakat. Kesemuanya membawa satu matlamat bersama, iaitu "Menelusuri Cabaran, Realiti dan Penyelesaian ke Arah Malaysia yang Lebih Sejahtera."

Menurut Pengerusi Bengkel, Prof. Dr. Siti Hadijah Che Mat, bengkel ini penting bagi memastikan karya yang dihasilkan bukan sahaja mempunyai kandungan akademik yang berkualiti, malah disusun dan dimurnikan secara sistematik mengikut standard penerbitan ilmiah. Beliau berkata, proses editorial secara berpasukan membolehkan setiap bab diperhalus dari aspek kandungan, bahasa, format dan kesinambungan antara bab, sekali gus menghasilkan manuskrip yang lebih mantap dan tersusun.

Penghasilan empat buah buku ini mencerminkan komitmen RG 8 dan SEFB dalam memperluas perkongsian ilmu serta memperkayakan wacana akademik berkaitan isu-isu sosioekonomi semasa. Karya-karya tersebut diharapkan dapat menjadi sumber rujukan yang bermanfaat kepada pelajar, penyelidik, pengamal industri, pembuat dasar dan masyarakat umum.

Inisiatif ini turut memperkukuh jaringan kerjasama antara UUM dengan institusi pengajian tinggi dan agensi berkaitan dalam menghasilkan karya ilmiah yang dapat menyumbang kepada pemahaman lebih menyeluruh mengenai cabaran kesejahteraan sosioekonomi Malaysia serta usaha ke arah pembangunan yang lebih inklusif dan mampan.

Zms/jkk/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.